



26 MAY, 2025

Malaysia - Vietnam jalin kerjasama tenaga, pendidikan dan integrasi

Sinar Harian, Malaysia



Malaysia - Vietnam jalin kerjasama tenaga, pendidikan dan integrasi

PUTRAJAYA - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatnya dari Vietnam, Pham Minh Chinh pada Ahad menyaksikan pertukaran tiga dokumen antara Malaysia dan Vietnam yang menyasarkan pada pengukuhan kerjasama dalam tenaga, pendidikan dan integrasi serantau.

Majlis pertukaran itu, berlangsung di Kompleks Perdana Putra di sini, diadakan susulan mesyuarat dua hala antara kedua-dua pemimpin sempena lawatan rasmi Chinh ke Malaysia.

Dokumen pertama ialah Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Vietnam Electricity (EVN) dalam Grid Kuasa ASEAN dan pembinaan keupayaan strategik.

TNB diwakili Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan manakala EVN diwakili Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Nguyen Anh Tuan.

Dokumen kedua merupakan Surat Hasrat untuk kerjasama antara Universiti

Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Vietnam National University.

UKM diwakili Pemangku Naib Canselor Prof Dr Abdul Halim Abdul Gapor manakala Vietnam National University, diwakili Naib Canselor Prof Madya Nguyen Minh Tam.

Sementara itu, dalam satu lagi pertukaran Surat Hasrat bagi kerjasama yang memfokuskan kepada perkongsian strategik dan integrasi di ASEAN antara Malaysia dan Vietnam; Pengarah Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS UKM) Prof Sufian Jusoh mewakili UKM manakala Vietnam National University, Hanoi diwakili Naib Presiden Prof Dr Pham Bao Son.

Jumlah dagangan dua hala Malaysia-Vietnam mencecah RM83.11 bilion dengan eksport Malaysia ke Vietnam bernilai RM53.86 bilion manakala import dari Vietnam berjumlah RM29.25 bilion.

Sementara itu, syarikat Malaysia telah melaksanakan lebih 700 projek di Vietnam merentasi pelbagai sektor dengan nilai pelaburan kumulatif melebihi USD13 bilion (RM55 bilion). - *Bernama*



Anwar mengetuai delegasi Malaysia semasa mesyuarat dua hala bersama delegasi Vietnam yang diketuai Minh Chinh di Bangunan Perdana Putra pada Ahad.